

BERITA HARIAN

DATE: 29/08/2007

# Foto sejarah kemerdekaan dipamer

BH - 29/8/2007

**K**UALA LUMPUR: Orang ramai berpeluang menyaksikan pelbagai foto menarik sejarah kemerdekaan negara di 'Pameran Road To Nationhood - Unity Amidst Diversity' di Kompleks Beli-Belah Bangsar, di sini yang berlangsung sehingga 9 September ini.

Program kali ketiga diadakan di pusat beli belah berkenaan sejak 2005 antara lain bertujuan membangkitkan kembali drama, emosi dan suasana berkaitan saat-saat negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Melalui pameran itu, pengunjung berpeluang menyaksikan pelbagai imej acara bersejarah termasuk pengumuman kemerdekaan, sambutan kemerdekaan pertama dan pertabalan Yang di-Pertuan Agong pertama.

Turut dipaparkan aktiviti kebudayaan, keagamaan, pendidikan, latihan, sukan dan rekreasi, fesyen, buruh serta keunikan etnik pelbagai kaum negara.

Secara keseluruhannya, pameran memaparkan penerbitan semula 22 muka depan akhbar *Straits Times*, dua halaman penerbitan semula pe-



**SEBAGAI KENANGAN:** Najib dan Mohd Nazir melihat gambar kenangan bonda mereka, Tun Rahah Mohd Noor selepas melancarkan 'Road to Nationhood: Unity Amidst Diversity' sambil diperhatikan oleh Syed Faisal (kanan), Mohamed Moiz (dua dari kiri) dan Syed Nadzri di Bangsar, semalam.

ngisytiharan kemerdekaan dalam bahasa Inggeris dan jawi serta 73 foto hitam putih pelbagai panorama dulu dan kini.

Pameran yang bermula sejak 22 Ogos lalu dianjurkan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) dengan kerjasama Bandar Raya Developments Berhad (BRDB).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk

Seri Najib Razak ketika merasmikan pameran itu semalam, berharap program itu dapat menyumbang kepada pembangunan bangsa, sekaligus menyemai sikap menghargai sumbangan orang terdahulu memajukan negara.

Beliau mengucapkan tahniah kepada NSTP dan BRDB kerana menganjurkan pameran yang terus berkem-

bang kukuh dan menyentuh perasaan sepanjang beberapa tahun lalu.

Hadir sama Pengerusi BRDB, Datuk Mohamed Moiz JM Ali Moiz; Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Datuk Syed Faisal Albar; Ketua Eksekutif BRDB, Jagan Sabapathy, Pengarah NSTP, Shahril Ridza Ridzuan dan Pengarang Kumpulan New Straits Times Sdn Bhd, Datuk Syed Nadzri Syed Harun.

FAKTA KOMBOP

Pameran Road To Nationhood

**22**

Muka depan akhbar

**73**

Foto hitam putih